

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah agar undang-undang Islam tidak dibatalkan dengan sewenang-wenangnya.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari, mengambil berat dan peka dengan isu-isu yang melibatkan hukum-hakam dan perundangan Islam. Dalam konteks sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia, ia terbahagi kepada dua sistem,

iaitu perundangan sivil (Mahkamah Sivil) dan perundangan Syariah (Mahkamah Syariah).

Secara jelas, Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sebagaimana yang terkandung dalam Butiran 1 Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan termasuklah dari segi penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak.

Di samping itu, mahkamah, sama ada sivil atau Syariah berpegang kepada prinsip keadilan dalam memastikan hak pihak-pihak dalam perbicaraan terbela dan terjaga. Bagi maksud tersebut, pihak-pihak yang terlibat bertanggungjawab secara kolektif untuk memberi kerjasama bagi memastikan prosiding mahkamah dapat berjalan lancar dan kes yang dibicarakan dapat diselesaikan dengan adil dan dipatuhi.

Dalam hal ini, sebagai contoh, berhubung dengan isu yang berbangkit apabila salah seorang pasangan bukan Islam memeluk agama Islam, Kerajaan sedang meneliti semula undang-undang berkaitan dan mencadangkan beberapa pindaan yang bersesuaian, yang bakal menjadi satu landasan untuk mencari jalan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak.

Sekian, terima kasih.